

19-01-2017 | setempat | 43 A

**HARIAN METRO**

# Galak anak melabur

## ■ ANGKASA saran ibu bapa tambah saham koperasi anak di sekolah

---

Mohd Hilmi Mahmud  
am@hmetro.com.my

**Georgetown**

**B**agi memastikan setiap pelajar yang mendaftar diri di institusi pengajian tinggi (IPT) tidak mengalami masalah kewangan, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) menggalakkan ibu bapa menambah saham anak mereka di koperasi di sekolah.

Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, penambahan saham dalam koperasi sekolah dapat membantu pelajar ketika mereka ingin mendaftar diri di IPT nanti.

“Saya galakkan ibu bapa menambah saham anak mereka yang mempunyai saham dengan koperasi di sekolah masing-masing.

“Saham koperasi di sekolah tidak mempunyai tahap maksimum dan setiap ibu bapa da-

pat menambah jumlahnya setiap tahun,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Khas Pembangunan Perniagaan Koperasi Sekolah Negeri Pulau Pinang di Tanjung Bungah, di sini, semalam.

Menurut beliau, saham yang dimiliki pelajar akan bertambah dan dividen diperoleh mereka juga meningkat.

“Jika pelajar mempunyai banyak saham, dividen yang akan diperoleh mereka akan bertambah.

“Pelajar yang mula membeli saham pada tingkatan satu akan mendapat dividen pada tahun akhir persekolahan mereka,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata, ANGKASA menyasarkan keuntungan semua koperasi sekolah menengah sebanyak RM500 juta pada empat tahun akan datang.

“ANGKASA menyasarkan keuntungan RM500 juta pada tahun 2020 membabitkan 2,439 koperasi,” katanya.

Perpustakaan Koperasi Malaysia